

15/07/1998

Pinjaman RM16b daripada sumber tempatan

KERAJAAN akan meminjam dan menggunakan sumber kewangan tempatan bagi mendapatkan RM16 bilion untuk memodalkan semula sektor perbankan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, negara mempunyai banyak simpanan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang memiliki caruman bulanan sebanyak RM1.8 bilion.

"Sebahagian daripada perolehan wang itu juga akan dilakukan melalui terbitan bon, sesetengahnya melalui pinjaman antarabangsa manakala selebihnya, tempatan," katanya selepas merasmikan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bandar Tun Razak di Kuala Lumpur, semalam.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mengumumkan rangsangan fiskal dan langkah tambahan untuk memulihkan ekonomi berkata, berdasarkan andaian keadaan paling buruk, permodalan semula yang diperlukan adalah dalam lingkungan RM16 bilion.

Jumlah itu diperlukan bagi tempoh 1998-99 untuk mengekalkan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) pada tahap tidak kurang daripada sembilan peratus.

Mengenai penurunan kadar faedah, Perdana Menteri berkata kerajaan sedang berusaha menurunkannya tanpa menyentuh kadar pinjaman asas (BLR).

Sambil mengharapakan penurunan BLR itu dapat dilakukan dalam tempoh terdekat, Dr Mahathir berkata usaha itu tidak mudah kerana menghadapi pelbagai halangan daripada pihak tertentu.

"Setiap kali kita cuba mengurangkan BLR, beberapa negara asing akan cuba meningkatkan kadar faedah dan sekali gus menyebabkan pengaliran keluar wang. Peniaga mata wang juga mungkin tidak bersetuju dengan tindakan Malaysia itu dan akan cuba merendahkan nilai ringgit," katanya.

Beliau juga berkata, berikutan kerajaan sudah mengurangkan tebaran faedah, bank juga harus mengurangkan kadar julat mereka.

Kepada soalan sama ada tindakan itu mungkin memberi kesan kepada institusi perbankan tempatan, beliau berkata: "Tidak. Jika jumlah pinjaman itu besar, mereka boleh membuat wang yang cukup."

(END)